
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari / Mac 2004

JAA 582/2 – Pengurusan Binaan

Masa : 2 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA (5)** jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA (5)** jawapan terbaik.
3. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Lukiskan carta bar yang menunjukkan kitar hayat projek pembinaan. Berdasarkan carta tersebut huraikan fasa-fasa asas yang menyumbangkan terhadap pembangunan projek dari peringkat idea hingga realiti.
(12 markah)
- (b) Dalam bidang industri pembinaan terdapat beberapa sektor atau kumpulan yang memainkan peranan masing-masing secara langsung atau pun tidak langsung. Bincangkan mengenai peranan yang dimainkan oleh dua daripada sektor tersebut dalam industri pembinaan.
(8 markah)
2. (a) Di antara kontrak tradisional yang biasa digunakan dalam industri pembinaan ialah kontrak jumlah pukal (lump sum contract). Bincangkan dengan ringkas mengenai ciri-ciri kontrak berkenaan.
(10 markah)
- (b) Dokumen tender mempunyai beberapa bahagian yang penting untuk membolehkan pihak kontraktor serta semua yang terlibat melaksanakan kerja dengan teratur. Huraikan dengan ringkas mengenai kandungan penting yang terdapat didalam dokumen tender.
(10 markah)
3. (a) Berikan takrif mengenai program rempuh serta huraikan perkara-perkara yang perlu dijalankan bagi mencapai matlamat program ini.
(10 markah)
- (b) Jadual 1 menunjukkan aktiviti yang telah dikenalpasti untuk sebuah projek. Berdasarkan butir-butir dalam Jadual 1, lakarkan rajah yang lengkap untuk laluan hadapan dengan permulaan awal untuk A, B dan C ialah 1

Jadual 1

Aktiviti	Pendulu	Pendepan	Tempoh
A	-	D	4
B	-	G	3
C	-	E	3
D	A	G	5
E	C	F	2
F	B, E	H	2
G	B, D	-	2
H	F	-	5

(10 markah)

4. Nyatakan apakah pengurusan nilai dalam kejuruteraan dan peranannya di dalam projek pembinaan. Bincangkan **EMPAT (4)** fasa pelan kerja pengurusan nilai.
(20 markah)
5. Nyatakan **LIMA (5)** pendekatan fizikal yang boleh dilakukan untuk mencapai keselamatan dan kesihatan di dalam projek pembinaan. Bincangkan peranan dan kepentingan keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan.
(20 markah)
6. Bincangkan tentang organisasi yang terlibat di dalam jaminan kualiti. Nyatakan bagaimanakah jaminan kualiti boleh diimplementasikan dalam projek pembinaan.
(20 markah)